

BULETIN CITRA

Edisi JANUARI JUN 2024

KOLEJ KEDIAMAN

UITM KAMPUS SUNGAI BULOH,
SELAYANG & TELUK INTAN.

POCKET PIXEL MASTERY

Pelapor: Sofea Adlynn Syazwina Rahimi

Program "Pocket Pixel Mastery" yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) UiTM Kampus Sungai Buloh pada 8 Jun 2024 telah berjaya mencapai objektifnya dalam memberikan pendedahan serta meningkatkan kemahiran asas fotografi kepada para peserta. Program ini telah membangkitkan minat yang mendalam dalam seni visual dan fotografi, serta membuka peluang untuk jaringan dan hubungan yang lebih erat antara pelajar dari pelbagai fakulti dan persatuan.



Ceramah disampaikan oleh En. Suffian bin Nodin, seorang jurugambar profesional dari SN Mega Resources, ceramah dan sesi praktikal yang dijalankan bukan sahaja membekalkan pengetahuan teknikal tetapi juga menyemai kemahiran insaniah seperti komunikasi, kerjasama, dan kreativiti dalam kalangan peserta. Diharapkan, usaha seperti ini akan terus diteruskan dan ditingkatkan bagi memperkaya pengalaman pembelajaran dan pembangunan sahsiah para pelajar.